

17 JUL 1996

Mahathir-Kajian

MALAYSIA MAHU MEMBUAT KAJIAN KES YANG ADIL TERHADAP KYRGYZ

Oleh: Rachman Nordin

BISHKEK, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata, pendekatan Malaysia apabila membuat kajian kes terhadap republik Kyrgyz bukan seperti yang dibuat oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) atau Bank Dunia terhadap negara-negara membangun.

"Idea kita ialah mengenal pasti punca dan memberitahu kerajaan Kyrgyz dan dari situ adalah terpulang kepada mereka untuk membuat sesuatu terhadap hasil kajian itu," kata beliau pada persidangan berita bagi wartawan-wartawan Malaysia dan Kyrgyz di sini mengenai hasil lawatan rasmi pertama beliau ke republik itu.

Di sebaliknya, kata beliau, agensi-agensi antarabangsa biasanya cuba mengenal pasti tempat-tempat yang kerajaan membuat kesilapan dan mengarahkan mereka membetulkannya.

Apabila arahan itu tidak dipatuhi tekanan mungkin dikenakan terhadap kerajaan, kata beliau semasa mengulas tawaran Malaysia untuk mengkaji sistem ekonomi, sosial dan keadilan di republik Kyrgyz bagi mencari peluang-peluang baru untuk kedua-dua negara bekerjasama.

Beliau berkata inilah kali pertama Malaysia membuat tawaran seperti itu kepada sesebuah negara membangun dan kerajaan Kyrgyz menyambutnya dengan hati terbuka.

Menjawab pertanyaan, Dr Mahathir berkata satu masalah besar yang akan dihadapi oleh Republik Kyrgyz dalam berubah kepada ekonomi pasaran daripada ekonomi yang dirancang secara berpusat ialah kekurangan pengetahuan yang mendalam mengenai cara kerja ekonomi pasaran itu sendiri.

Malaysia akan mengesyorkan langkah-langkah mengatasi masalah itu berdasarkan pengalaman Malaysia sendiri, kata beliau.

"Ada negara yang cuba berubah dalam sehari dan kemudiannya mendapati mereka tidak mempunyai orang yang cukup untuk membuat kerja. Ada negara yang cuba program penswastaan sedangkan tiada sektor swasta," kata beliau.

Dr Mahathir juga memberi jaminan kepada wartawan-wartawan Kyrgyz yang Republik Kyrgyz pasti akan menjadi sebahagian daripada "Laluan Sutera Kedua" dalam konteks cadangan Malaysia bagi landasan keretapi Trans-Asia untuk menghubungkan Asia Tenggara dengan negeri-negeri di Asia Tengah.

Beliau menyatakan lawatannya ke republik Kyrgyz sebagai "sangat baik" dan presiden negara itu Askar Akayev telah mengenal pasti beberapa bidang kerjasama termasuk perlombongan emas yang membabitkan Malaysian Mining Corporation dan rakannya di Kyrgyz.

Perdana Menteri akan berlepas ke Kazakhstan esok untuk meneruskan lawatannya di Asia Tengah. -- BERNAMA

RN PR